



**AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KENYATAAN MEDIA

**LAPORAN SIASATAN EAIC BERHUBUNG ISU POSITIF DADAH DI
PUSPEN SERDANG, KEDAH**

KAJANG, 28 Februari 2026 – Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada kenyataan media yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) berhubung hasil siasatan terhadap 47 klien di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Serdang, Kedah yang didapati positif dadah jenis methamphetamine.

AADK memandang serius hasil siasatan dan laporan tersebut dimana wujudnya salah laku kakitangan AADK di PUSPEN tersebut. Oleh itu, AADK menegaskan sama sekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati bersalah terlibat dengan pelanggaran integriti, mahupun undang-undang negara.

Susulan daripada insiden ini, AADK telah pun mengambil tindakan awal dengan menukar kakitangan yang terlibat dan kini dalam proses tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan - Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993.

Selain daripada itu, AADK turut melaksanakan pemeriksaan dan ujian saringan air kencing secara mengejut di seluruh PUSPEN bagi memastikan persekitaran Pusat Pemulihan bebas daripada penyalahgunaan dadah. AADK juga akan menyusuli tindakan berdasarkan syor-syor penambahbaikan daripada EAIC bagi memperkukuh sistem kawal selia, memantapkan Prosedur Operasi Standard (SOP), serta memperkasa kepatuhan integriti di semua fasiliti AADK khususnya di PUSPEN.

AADK akan terus bekerjasama erat dengan EAIC dalam usaha peningkatan tadbir urus yang baik khususnya yang melibatkan siasatan terhadap sebarang aduan salah laku dan integriti dalam kalangan kakitangan AADK.

#TAMAT#



**DATO' RUSLIN BIN JUSOH
KETUA PENGARAH
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN**